

E-BULETIN KKLIU

PENERBITAN RASMI OLEH LEMBAGA IKLAN UBAT, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



MESYUARAT LIU BIL. 2/2025

MESYUARAT LIU BIL. 2/2025 berlangsung pada 26 Ogos 2025 di Bilik Mesyuarat Utama, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Azuana binti Ramli selaku pengerusi silih ganti seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan 3, Peraturan-peraturan Lembaga Iklan Ubat 1976. Edisi buletin kali ini menyampaikan beberapa maklumat terkini seperti kemaskini garis panduan produk, kandungan format iklan produk topikal *Diclofenac* yang dibenarkan dan iklan perkhidmatan kesihatan yang mengandungi maklumat e-health yang telah diputuskan dalam mesyuarat tersebut.

DALAM EDISI INI

- ● ● ● ● ● ●
- ➡ **Revolusi Iklan Produk Farmaseutikal: Persediaan Topikal NSAIDS *Diclofenac* Diberi Lampu Hijau!** **02**
- ➡ **Panduan Baharu LIU: Senarai Tanda dan Gejala Penyakit Yang Dibenarkan Dalam Iklan Produk OTC** **03**
- ➡ **Iklan Produk Ubat Yang Menggunakan Konsep Berjenaka (*Humorous Content*)** **04**
- ➡ **Iklan Perkhidmatan Kesihatan Yang Mengandungi Maklumat *eHealth* / *Telemedicine* / *Teleconsultation*** **04**
- ➡ **Aktiviti-Aktiviti Lembaga Iklan Ubat Sepanjang April Hingga Oktober 2025** **05-07**

**DULU
TAK BOLEH,
SEKARANG
BOLEH!**

REVOLUSI IKLAN PRODUK FARMASEUTIKAL: PERSEDIAAN TOPIKAL NSAIDS DICLOFENAC DIBERI LAMPU HIJAU!




Mesyaruarat Lembaga Iklan Ubat Bil. 2/2025 telah membuat Liberalisasi Pengiklanan Racun Kumpulan C yang dikawal di bawah Akta Racun 1952 [Akta 366] bagi **sediaan topikal NSAIDS** mengandungi bahan aktif **Diclofenac** sahaja.



APA YANG WAJIB ADA DALAM IKLAN PRODUK TOPIKAL DICLOFENAC?

CONTOH CADANGAN FORMAT IKLAN



» Pernyataan wajib:

"Nasihat daripada profesional penjagaan kesihatan hendaklah diperoleh sebelum menggunakan ubat ini. Dapatkan nasihat lanjut sekiranya gejala berterusan atau kesan sampingan berlaku selepas penggunaan."



PANDUAN BAHARU LIU: SENARAI TANDA DAN GEJALA PENYAKIT YANG DIBENARKAN DALAM IKLAN PRODUK OTC

Pihak LIU telah mengemaskini kandungan **Garis Panduan Kelulusan Pengiklanan Produk Ubat Berdaftar** dengan memasukkan senarai tuntutan tanda dan gejala penyakit yang dibenarkan dalam iklan produk **Over-The-Counter (OTC)** (Lampiran 11). Penambahbaikan ini bertujuan menyediakan rujukan yang jelas dan seragam kepada syarikat dalam merangka iklan produk OTC yang melibatkan tuntutan tanda dan gejala penyakit.

WAJIB TAHU MENGENAI PANDUAN INI



1 Tuntutan tanda dan gejala yang dipaparkan hendaklah selari dengan indikasi produk yang telah diluluskan PBKD

CONTOH:


Indikasi:
Untuk rawatan anemia akibat kekurangan zat besi



Penyakit berkaitan:
Kekurangan zat besi / anemia



TANDA & GEJALA YANG DIBENARKAN :



Pening-ning / dizziness



Pucat / paleness



Kesejukan di tangan / kaki / coldness in hand / feet



Keletihan / tiredness



Degupan jantung laju / rapid heartbeat



Sakit kepala / headache



Nafas pendek / shortness of breath

TANDA & GEJALA YANG TIDAK DIBENARKAN :



Contoh:
Keguguran rambut



2 Tidak mengelirukan pengguna mengenai kegunaan sebenar produk



Contoh:
Iklan memberi penekanan bahawa ubat yang diambil mampu merawat keletihan tanpa fokus kepada indikasi sebenar ubat.



3 Pemilihan tuntutan tanda dan gejala tidak bertumpu kepada satu atau dua tanda dan gejala sahaja



Contoh:
Iklan yang memaparkan tuntutan melegakan keletihan sahaja tanpa menyatakan tanda dan gejala lain



4 TIDAK TERPAKAI untuk iklan produk tradisional dan suplemen kesihatan



IKLAN PRODUK UBAT YANG MENGGUNAKAN KONSEP BERJENAKA (*HUMOROUS CONTENT*)



Kreativiti dalam iklan yang menggunakan konsep berjenaka (*humorous content*) sering diguna pakai untuk menarik minat dan perhatian pengguna. Bagi mengelakkan kekeliruan yang mungkin timbul dalam kalangan orang awam, LIU telah bersetuju iklan produk ubat yang mempunyai elemen kreativiti dengan konsep berjenaka boleh dibenarkan, dengan syarat iklan tersebut disertakan dengan **Penyataan Berjaga-jaga** (*Precautionary Statement*) berikut;



“KANDUNGAN JENAKA ADALAH BUKAN NASIHAT PERUBATAN”

“THE HUMOROUS CONTENT IS NOT FOR MEDICAL ADVICE”

IKLAN PERKHIDMATAN KESIHATAN YANG MENGANDUNGI MAKLUMAT *EHEALTH* / *TELEMEDICINE* / *TELECONSULTATION*




Susulan daripada penerbitan **Guideline on Online Healthcare Services 2025** oleh Seksyen Perancangan eHealth, Bahagian Perancangan, KKM pada 5 Mei 2025, Mesyuarat Lembaga Iklan Ubat Bil.2/2025 kini bersetuju untuk membenarkan dan meluluskan iklan perkhidmatan kesihatan yang mengandungi maklumat *eHealth* / *Telemedicine* / *Teleconsultation*.



AKTIVITI-AKTIVITI LEMBAGA IKLAN UBAT

SEPANJANG APRIL HINGGA OKTOBER 2025



12-19 APRIL 2025




Ministry of Health, Labour and Welfare (MHLW) &
Tokyo Metropolitan Government (TMG), Japan

Tajuk Aktiviti/ Ceramah:

Latihan Sangkutan Berkaitan *Legal Framework Of Self-Regulatory On Medicines and Healthcare Services Advertisement* di Tokyo, Japan

Peserta: Pn. Arnie Binti Fadzilah, Pn. Tay Chai Ling



21 MEI 2025



TikTok Shop HQ, Sunway Velocity TWO

Tajuk Aktiviti/Ceramah:

Hari Bertemu Kementerian Kesihatan Malaysia:
"Tolak Ubat Tidak Sah (TOBaTS) dan Kelulusan Iklan Produk Ubat Berdaftar"

Penceramah: Cik Nur Atiqah binti Ramzan



15 JULAI 2025



Secara Dalam Talian (Google Meet)

Tajuk Aktiviti/Ceramah:

Sesi Taklimat Kawalan Iklan Ubat di Malaysia bersama Media Prima :
Pengenalan, Proses Kelulusan dan Kemas kini Lembaga Iklan Ubat

Penceramah: Pn. Nur Syafinaz binti Zulman



Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

Tajuk Aktiviti/Ceramah:

Kursus Saringan Iklan Produk dan Perkhidmatan
Cawangan Penguatkuasa Farmasi Terengganu
2025: Proses Kelulusan Lembaga Iklan Ubat

Penceramah: En. Mohd Hafizuddin bin Hakimi



21 MEI 2025

26 OGOS 2025



Bilik Mesyuarat Utama, BSM, Kompleks E Putrajaya

Tajuk Aktiviti/Ceramah: Mesyuarat Lembaga Iklan Ubat Bil. 2025



Sime Darby Convention Centre

Tajuk Aktiviti/Ceramah:

Disruptive Doctors Conference 2025 -
Advertising For Doctors The Do's And Don'ts

Penceramah: En. Koay Choon Wee



20 SEPTEMBER 2025

28 OGOS 2025



Bilik Mesyuarat Firuz, Program Perkhidmatan Farmasi

Tajuk Aktiviti/Ceramah:

Sesi Perbincangan Bersama MHTC - "Integrated
Healthcare"



Program Perkhidmatan Farmasi

Tajuk Aktiviti/Ceramah:

Sesi Perbincangan SLIU bersama Pathlab & Clinical Laboratory



23 SEPTEMBER 2025



Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu, Kelantan

Tajuk Aktiviti/Ceramah:

Seminar dan Dialog Kawalan Iklan Bersama Profesional Kesihatan Swasta Negeri Kelantan

Penceramah: Pn. Suliati binti Mohd Zin



Health Science Authority (HSA) Singapore

Tajuk Aktiviti/Ceramah:

1. Latihan Sangkutan untuk Mengkaji Kerangka Undang-undang dan Pengawasan Terhadap Pengiklanan Perubatan di Singapura
2. Health Products Regulatory Conference

Peserta: En. Koay Choon Wee



3 OKTOBER 2025



Bilik Mesyuarat Delima, PPF

Tajuk Aktiviti/Ceramah:

Perbincangan Mengenai Isu Label Produk Berdaftar Semasa Penilaian Permohonan Kelulusan Iklan Oleh Lembaga Iklan Ubat Bersama Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPPRA)

30 SEPTEMBER - 2 OKTOBER 2025

07

LEMBAGA IKLAN UBAT

03-78413200 / liu@moh.gov.my

www.pharmacy.moh.gov.my

Lot 36, Jalan Profesor Diraja Ungku Aziz, PJS 13, 46200 Petaling Jaya, Selangor.